

## KERATAN AKHBAR

---

TARIKH : 3 MAC 2022  
AKHBAR : BERITA HARIAN  
CAPAIAN :<https://www.bharian.com.my/amp/berita/nasional/2022/03/929650/ada-178-projek-sakit>

### Ada 160 projek sakit



KUALA LUMPUR: Terdapat 160 daripada sejumlah 6,755 projek yang dipantau oleh Unit Penyelarasaran Pelaksanaan Jabatan Perdana Menteri (ICU JPM) dikategorikan sebagai projek sakit.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Ekonomi), Datuk Seri Mustapa Mohamed, berkata 92 daripada projek itu sedang dan sudah diambil tindakan oleh ICU.

"Sebanyak 41 projek berjaya dipulihkan dan mengikut jadual pelaksanaan projek yang dirancang, manakala 51 projek lagi sedang dalam tindakan pemulihan," katanya menjawab soalan Datuk Syed Abu Hussin Hafiz Syed Abdul Fasal (PN-Bukit Gantang) pada sesi pertanyaan menteri di Dewan Rakyat hari ini.

Beliau berkata, bagi tempoh Rancangan Malaysia Ke-11 (RMK-11), sebanyak 8,963 projek atau program dengan kos berjumlah RM255 bilion sudah diluluskan.

"Daripada bilangan ini, sebanyak 4,040 projek sudah siap, manakala 4,923 projek lagi disambung pelaksanaannya, dalam Rancangan Malaysia Kedua Belas.

"Bagi 2022, iaitu tahun kedua RMK Ke-12 pula, 6,755 projek di bawah perbelanjaan pembangunan sudah diluluskan dengan peruntukan sebanyak RM75.6 bilion.

"Daripada jumlah ini, kira-kira 5,400 projek projek sambungan," katanya.

Beliau berkata, pelaksanaan projek pembangunan penting untuk menjana aktiviti ekonomi negara dan perlu dipantau rapi oleh kerajaan.

Katanya, ini juga ditekankan oleh Yang Di-Pertuan Agong dalam Titah DiRaja sempena pembukaan parlimen pada Isnin lalu.

"Bagi memastikan projek pembangunan dilaksanakan dengan lancar, saya sendiri, bersama dengan Ketua Setiausaha Negara mempengerusikan Jawatankuasa Pemudahcara Pelaksanaan Projek Pembangunan Negara untuk mempercepat pelaksanaan projek pembangunan.

"Sejak penubuhan pada Disember 2020, jawatankuasa ini sudah bermesyuarat sebanyak 10 kali dan terakhir pada 31 Januari lalu.